

7237

**Warisan: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan
Negeri Sembilan 22 (1999)**

SEJARAH BERMULA DAN BERAKHIRNYA PUSAKA BATIN DI KAMPUNG KELAPI - Satu Penemuan Awal

Oleh:

Norhalim Hj. Ibrahim dan Aiani Sudeen

Pengenalan

Kampung Kelapi atau dikenali juga sebagai Tiong Jelai ialah perkampungan Orang Asli kaum Temuan yang terletak dalam mukim Johol, Kuala Pilah berhampiran dengan sempadan mukim Miku, Rembau. Kampung Kelapi adalah sebuah perkampungan kecil dengan penduduk sebanyak 74 orang daripada 11 buah keluarga. Tanah kampung seluas 120 ekar dirizabkan kerajaan untuk penduduk di situ. Kampung Kelapi boleh dikatakan kampung pedalaman yang terletak kira-kira 10km dari pekan Johol. Kemudahan asas yang terdapat di Kampung Kelapi hanya sebatang jalan berturap dan bekalan elektrik. Sumber air didapati dari perigi atau sungai kecil.

Kegiatan ekonomi masyarakat kampung ini masih lagi bertumpu pada sektor pertanian seperti berhumas dan mencari hasil hutan (damar, rotan, petai dan kayu gaharu). Taraf pendidikan kian bertambah baik. Ibu bapa kini menyedari akan kepentingan pendidikan dan banyak anak-anak yang telah dihantar ke sekolah. Kebanyakan penduduk telah celik huruf kerana ada antara mereka yang pernah mengikuti kelas dewasa pada suatu masa dahulu.

Sejarah Bermulanya Batin

'Batin' merupakan gelaran khas untuk ketua masyarakat Orang Asli. Gelaran ini telah wujud semenjak zaman dahulu lagi. Corak dan sistem pemerintahan seseorang batin berbeza mengikut wilayah masing-masing, bak kata pepatah 'lain padang lain belalang, lain kawasan lain pula pemerintahannya'.

Di Negeri Sembilan, khususnya di Kampung Kelapi, corak pemerintahan seseorang batin banyak dipengaruhi oleh Adat Perpatih yang diamalkan masyarakat Melayu di sekitarnya. Kononnya mengikut cerita, pada zaman dahulu batin sama taraf dengan seorang raja. Hubungan mereka seperti adik-beradik dan kononnya berasal daripada suku yang sama. Oleh itu kedua-dua pemimpin

ini sering diistilahkan sebagai *serai serumpun*. Mereka telah sama-sama meneroka tanah di Negeri Sembilan. Setelah berjaya, mereka membahagikan kawasan pemerintahan masing-masing seperti kata pepatah:

*Kutu dibelah,
Ruang dibagi.*

Kawasan pemerintahan batin di bahagian daratan atau kawasan hutan. Kawasan ini dibidalkan sebagai:

*Permatang yang panjang,
Bukit yang tinggi,
Gaung yang dalam.*

Manakalan kawasan pemerintahan raja pula di bahagian yang berhampiran dengan laut; dan dikatakan sebagai:

*Pekan yang menyinsing,
Laut yang terbentang.*

Mengikut cerita, raja diberikan kawasan yang berhampiran dengan laut supaya senang berulang-alik ke Sumatera, tempat asalnya. Batin pula tidak pergi ke mana-mana; jadi beliau memilih kawasan hutan sebagai miliknya. Walaupun kawasan pemerintahan telah dibahagi dua, namun perhubungan antara mereka adalah seperti biasa, dan dipepatahkan:

*Ke luar berjinjang,
Ke dalam bertali.*

Ini bermakna batin dan raja tetap berhubungan antara satu sama lain, terutamanya apabila timbul sebarang masalah atau perkara penting yang perlu diselesaikan bersama.

Untuk menyenangkan dan melancarkan perhubungan tersebut, batin telah melantik beberapa orang sebagai mentadbir kawasannya. Mereka itu terdiri daripada Tok Menteri, Tok Jekerah, Tok Menghitam dan Tok Jenang. Batin juga mencadangkan kepada raja agar melantik seorang wakil di setiap wilayah atau luak dalam Negeri Sembilan untuk memudahkan mereka berhubung. Cadangan ini telah dipersetujui dan seorang yang bergelar undang telah dilantik bagi setiap

luak. Di Negeri Sembilan terdapat empat buah luak dan setiap luak mempunyai batin dan undang.

Kaitan Batin dengan Undang Luak Johol

Mengikut cerita, undang luak ini sama tarafnya dengan Tok Menteri, pegawai di bawah batin. Setiap undang luak yang baru dilantik atas cadangan batin dan persetujuan raja. Oleh sebab perlantikan undang atas cadangan batin, maka raja mensyaratkan batin mesti hadir pada hari upacara perlantikannya; dan batin yang akan mengesahkan tanpa perlu dihadiri oleh raja. Tanpa Batin, perlantikan seseorang undang itu tidak sah dan tidak diterima oleh raja.

Setelah selesai upacara perlantikan, batin perlu pergi bersama-sama undang menghadap raja di istana Seri Menanti sebagai bukti undang itu telah sah dalam jawatannya. Adalah menjadi satu kesalahan atau tidak sah sekiranya undang seorang diri sahaja, tanpa batin, yang pergi menghadap raja atau Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan di istana.

Setelah sah seseorang itu menjadi undang, beliau dikehendaki melantik seorang atau dua wakil yang menjadi orang perantara antara beliau dengan batin. Gelaran bagi wakil undang ini ialah Tok Gindo dan Tok Niko (untuk luak Johol) atau Tok Empat (untuk luak Rembau). Batin tidak turut serta atau mencampuri urusan perlantikan wakil-wakil tersebut. Semenjak itu, sekiranya ada perkara penting yang ingin disampaikan kepada raja, beliau akan menghubungi orang bawahannya, Tok Menteri yang akan memanjangkan perkara itu kepada Jenang. Jenang yang bertanggungjawab menyampaikan perkara tersebut kepada Tok Niko yang pula akan memberitahu undang. Undang, selepas menerima berita itu akan menyampaikan kepada raja. Sebaliknya berlaku sekiranya raja ada perkara penting untuk disampaikan kepada Batin.

Tok Jenang sentiasa keluar masuk hutan untuk menyampaikan berita. Pada hari ini, batin di luak Johol tidak lagi mempunyai Tok Jenang. Kononnya, pada zaman dahulu, Tok Jenang di kawasan Johol ialah orang yang paling rajin jika dibandingkan dengan jenang di luak-luak lain. Oleh sebab kerajinannya, beliau sering saja dipanggil oleh undang untuk menyampaikan sebarang berita ataupun untuk mendapatkan bantuan. Tanpa diketahui sebab sebenar, lama-kelamaan Jenang terus tidak mahu kembali semula ke hutan, sebaliknya terus menetap bersama undang di luar. Semenjak peristiwa itu, batin di luak Johol tiada Jenang, yang tinggal hanyalah Menteri, Jekerah dan Menghitam.

Walaupun undang orang bawahan raja, namun terdapat juga pembahagian kawasan antara batin dan undang. Mengikut bidalan, kawasan pemerintahan batin ialah :

*Bukit-bukau,
Gunung-ganang,
Hutan yang tebal,
Kayu yang rendang,
Permatang yang panjang.*

Kawasan undang pula ialah:

*Kampung yang bersudut,
Sawah yang berlopak,
Nyiur yang berbaris,
Pinang yang berjinjang,
Ampang yang gemuruh.*

Tujuan pembahagian kawasan ini adalah untuk mengelakkan berlakunya kekeliruan semasa menjaga dan memerintah kawasan masing-masing.

Fungsi Batin

Secara amnya, tugas atau fungsi seorang batin adalah menjaga keharmonian dan kesejahteraan seluruh kampung di kawasan pemerintahannya. Beliau mempunyai beberapa orang pembantu atau orang bawahannya seperti disebut di atas, yang membantu menjaga keamanan di setiap kampung. Setiap perkara atau masalah kecil, akan cuba diselesaikan oleh orang-orang bawahannya dan sekiranya masalah itu tidak dapat diselesaikan, barulah dibawa menghadap batin. Batin ialah orang yang terakhir membuat sesuatu keputusan atau menjatuhkan sesuatu hukuman. Batin juga berkuasa menjatuhkan hukuman kepada pegawai bawahannya, sekiranya mereka tidak menjalankan tugas.

Fungsi Orang Bawahan Batin

Tok Menghitam

Menghitam ialah pangkat yang paling bawah dalam carta organisasi sistem pemerintahan batin. Beliau dianggap tidak berapa arif tentang beradat. Gelaran

Menghitam diberikan kerana beliau selalu bertindak menghitamkan adat. 'Menghitam adat' di sini bermaksud beliau boleh menafikan kesalahan (mughitamkan) seorang tertuduh walaupun yang berkenaan itu memang bersalah daripada pandangan adat. Dengan kata lain, tugas Menghitam, dalam konsep perundangan moden adalah sebagai seorang 'peguambela'. Dalam keadaan lain pula, Tok Menghitam memang boleh menyelesaikan sesuatu masalah dengan betul dan adil. Sekiranya masalah itu tidak dapat diselesaikan, beliau akan merujuk orang atau gelaran yang lebih atas daripadanya iaitu Tok Jekerah. Tok Jekerah dan Tok Menghitam akan sama-sama menyelesaikannya.

Tok Jekerah

Fungsi beliau adalah mengarah atau menyuruh orang-orang kampung membuat kerja. Kerja di sini adalah menjalankan aktiviti ekonomi dan sosial seperti berhumas dan menolong membuat persediaan kenduri di rumah batin. Selain itu, beliau juga akan menyelesaikan masalah-masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh Tok Menghitam dengan cara cuba menolong mencari adat benarnya. Sekiranya beliau dan Tok Menghitam tidak dapat menyelesaikannya, perkara itu akan dirujuk pula kepada Tok Menteri.

Tok Menteri

Menteri ialah pangkat tertinggi di kalangan orang bawahan batin. Tugas beliau adalah mengawal kawasan kampung atau mukim iaitu dengan sentiasa mengawasi dan memerhati sekiranya ada perkara buruk berlaku. Beliau akan menyelesaikan setiap masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh Tok Menghitam dan Tok Jekerah. Sekiranya kes itu berat, seperti kes yang melibatkan pertumpahan darah, beliau akan terus menghubungi batin. Beliau juga akan mengambil tindakan atau menyoal siasat Menghitam dan Jekerah sekiranya sengaja tidak menyelesaikan masalah-masalah yang kecil. Sekiranya Menghitam dan Jekerah tidak dapat memberi alasan yang munasabah, tindakan akan diambil ke atas mereka dan hukumannya bergantung kepada kesalahan yang dilakukan.

Syarat-syarat Menjadi Batin

Perlantikan seseorang batin tertakluk kepada beberapa syarat. Antara syarat-syarat tersebut adalah:

1. Penduduk asal atau orang jati kampung itu. Ini tidak termasuk batin sandaran.

2. Mempunyai harta pusaka di kampung tersebut. Sekiranya beliau bukan pewaris harta pusaka, salah seorang adik-beradiknya mesti mewarisinya.
3. Ibu bakal batin mesti menetap di kampung berkenaan. Anak seorang perempuan keturunan batin yang menetap di kampung suaminya selepas berkahwin, yang diistilah sebagai 'mengikut kasih suami', tidak layak menerima gelaran adat di kampung ibunya. Ini kerana masyarakat Orang Asli di Kampung Kelapi juga mengamalkan sistem kemasyarakatan ala Adat perpatih.
4. Sekiranya bakal batin telah menetap di kampung lain kerana mengikut isteri misalnya, maka beliau terpaksa balik semula dan menetap di Kampung Kelapi.
5. Waras dan tahu beradat.
6. Keturunan atau perut batin. Sebaik-baiknya anak lelaki daripada ibu yang berketurunan batin. Sekiranya memang tiada anak lelaki berketurunan batin, boleh juga dilantik anak lelaki yang bapanya berketurunan batin. Ini kerana adat di Kampung Kelapi banyak dipengaruhi Adat Perpatih iaitu pewarisan harta pusaka lebih tertumpu kepada anak perempuan.

Sebab-sebab Tidak Layak Menjadi Batin

Banyak perkara yang menyebabkan seseorang itu tidak boleh memegang jawatan batin walaupun daripada perut yang sah. Seseorang batin juga boleh gugur atau dipecat daripada jawatannya atas sebab-sebab tertentu. Antara sebab utama ialah berlaku kerosakan adat dan batin yang memerintah pada masa itu secara automatik akan terpecat. Dengan pemecatannya itu, perut keturunannya juga dilucutkan hak menyandang jawatan batin.

'Perut' yang dimaksudkan di sini ialah ahli keluarga yang seibu atau senenek dengan beliau. Keturunan perut berkenaan tidak boleh lagi menjadi batin. Batin yang baru terpaksa dicari daripada perut batin sebelah yang lain pula. Namun proses pemecatan ini boleh dielakkan dengan menyelesaikan masalah adat tersebut. Penyelesaian itu mesti dilakukan oleh Menteri, Jekerah dan Menghitam secepat mungkin.

Satu contoh kesalahan adat yang memungkinkan pemecatan seseorang batin ialah ada 'anak gadis atau janda yang bunting gampang'. Dalam kes ini Menteri, Jekerah dan Menghitam mesti menghukum buapak perempuan berkenaan. Hukuman yang dikenakan ialah didenda sebanyak RM80.00, menyembelih seekor kambing dan mengadakan kenduri besar-besaran. Sewaktu kenduri, batin mesti hadir dan mengesahkan kepada hadirin bahawa si pesalah telah dihukum. Selepas semua ini terlaksana, barulah jawatan batinnya tidak dilucutkan dan perutnya juga boleh memegang jawatan batin suatu hari nanti.

Pembatalan pemecatan batin ini adalah atas dasar adat yang mengatakan:

*Salah dah bertimbang,
Salah dah berbayar.*

Sebaliknya jika kesalahan adat itu tidak selesai sehingga menyebabkan batin terpaksa meletakkan jawatan, proses ini dibidalkan sebagai:

*Batin sakit tak berubat,
Batin mati tak berkapan,
Batin hidup tak berpelihara.*

Berdasarkan bidalan ini, kegagalan menyelesaikan kesalahan adat bermakna seolah-olah penduduk kampung tidak dipedulikan oleh batin atau batin tidak berkemampuan lagi memimpin masyarakat kampungnya.

Cara Pemilihan dan Perlantikan Batin

Tempoh jawatan bagi seseorang batin adalah seumur hidup, sekiranya tidak melakukan sebarang kesalahan dalam tempoh permerintahannya yang membolehkan beliau dipecat. Oleh itu seseorang batin dilantik setelah batin yang lama meninggal dunia atau dipecat. Namun, mengikut sejarah, belum ada batin luak Johol atau Tiong Jelai berketurunan batin dipecat. Batin dilantik atas persetujuan anak-anak buah (orang-orang kampung) setelah memenuhi syarat-syarat yang disebutkan tadi. Selepas kematian batin, akan diadakan satu perjumpaan untuk pemilihan batin yang baru. Lambang kebesaran batin iaitu sebilah keris yang dipanggil 'Keris Penyalang' akan disimpan oleh buapak si mati. Semasa perjumpaan tersebut, semua anggota perut batin dimestikan hadir untuk memilih calon yang sesuai daripada kalangan mereka. Orang-orang kampung juga digalakkan menghadirinya. Perjumpaan itu dinamakan 'bersurah'.

Setelah mendapat pengganti yang layak, ditetapkan satu tarikh yang sesuai untuk upacara perlantikannya. Acara penting semasa perlantikan ialah penyerahan keris oleh penyimpan (buapak batin yang telah meninggal dunia) keris pusaka kepada batin yang baru. Penyerahan ini perlu disaksikan oleh orang ramai. Sekiranya Menteri, Jekerah dan Menghitam yang dulu masih hidup, maka batin yang baru tidak perlu mencari atau melantik yang lain lagi. Semasa upacara perlantikan, undang luak tidak diwajibkan datang; cuma digalakkan sahaja. Tujuannya supaya undang kenal siapa batin yang baru agar senang untuk berhubung.

Tanpa kehadiran undang, seseorang itu tetap sah dengan perlantikannya. Taraf undang adalah lebih rendah daripada batin. Oleh itu, beliau tiada kaitan semasa upacara perlantikan untuk menentukan sah atau tidak seseorang batin itu.

Selain itu, upacara perlantikan itu mestilah dibuat di tanah atau di rumah pusaka bakal batin. Sekiranya bakal batin tidak mewarisi tanah atau rumah pusaka, upacara itu mesti dibuat di rumah salah seorang adik-beradiknya yang tinggal di tanah pusaka keturunannya.

Syarat untuk melantik Menteri, Jekerah dan Menghitam sama seperti syarat untuk menjadi batin iaitu mesti daripada perut yang betul.

Bermula dan Berakhirnya Batin di Kampung Kelapi

1. *Batin Dundun (1920-an)*

Mengikut cerita orang-orang tua, Batin Dundun ialah batin yang pertama di Kampung Kelapi. Beliau berasal dari Kampung Charik dan telah berhijrah meneroka Kampung Kelapi bersama ahli-ahli keluarganya yang lain. Selepas kematiannya, beliau telah diganti pula oleh anak saudaranya iaitu anak adik perempuannya yang bernama Apam.

2. *Batin Apam (1930-an)*

Batin Apam mula memerintah dalam lingkungan awal tahun 1930-an. Beliau telah memerintah sehingga akhir hayatnya.

3. **Batin Kiau (Akhir 1930-an)**

Batin Kiau ialah anak saudara Batin Apam. Beliau telah menetap di Kampung Sikai sebelum dilantik menjadi batin bagi Kampung Kelapi. Pemerintahannya bermula pada akhir tahun 1930-an hingga awal 1940-an. Selepas kematian beliau, kekecohan merebut pusaka batin bermula kerana tiada pengganti yang layak mengikut perut sebelah perempuan; dan juga perut sebelah lelaki. Batin Kiau pula tidak pernah mendirikan rumahtangga. Oleh itu beliau tidak mempunyai keturunan. Anak-anak saudara Batin Apam atau Batin Kiau pula kebanyakannya tidak layak kerana sebahagian besar adik-beradik perempuan mereka telah melanggar adat; iaitu setelah berkahwin, mereka berpindah dan menetap di kampung suami. Akibatnya, anak-anak mereka tidak boleh lagi memegang lembaga adat di kampung ibunya. Sementara itu banyak anak saudara yang lain tidak pandai beradat, iaitu tidak berfikiran matang untuk memegang jawatan tersebut. Justeru itu, mereka telah sepakat untuk memberi jawatan batin itu kepada orang 'semenda' buat sementara waktu.

4. **Batin Ja'amat (1940-an)**

Batin keempat di Kampung Kelapi ialah orang 'semenda' di kampung itu. Isterinya orang jati Kampung Kelapi tetapi bukan keturunan batin. Batin Ja'amat berasal dari Kuala Jelai (Muar) dan daripada keturunan suku kaum Semelai. Semasa beliau memerintah, beliau ada menyimpan dua bilah keris, sebilah keris panjang dan sebilah keris pendek. Keris panjang adalah kepunyaan Tiong Jelai atau milik Kampung Kelapi yang diberi nama Keris Penyalang. Keris pendek pula kepunyaan Kuala Jelai (Muar), yang dibeli oleh Batin Ja'amat daripada Batin Pungkis. Kuala Jelai (Muar) ialah penempatan kaum Semelai manakala Tiong Jelai ialah penempatan bagi kaum Temuan. Beliau telah memerintah Kampung Kelapi sepanjang hayat beliau.

5. **Batin Kancil (1950-an)**

Selepas kematian Batin Ja'amat, pusaka batin Tiong Jelai tetap tidak kembali ke perut yang sebenarnya. Alasan yang diberikan adalah masih tidak ada yang layak untuk memegang semula jawatan batin itu. Kancil, seorang pendatang dari Kuala Jelai, ahli suku kaum Semelai, telah dilantik menjadi Batin. Batin Kancil telah berpindah ke Kampung Kelapi mengikut salah

seorang daripada anak saudaranya yang berkahwin dengan anak saudara isteri Batin Ja'amat.

Pada masa pemerintahan Batin Kancil, penduduk Kampung Kelapi dan dua buah kampung berhampiran (Kampung Bari dan Kampung Charik) telah menyedari akan kepentingan kemajuan kampung. Pada ketika itu pihak kerajaan telah mengeluarkan bantuan yang disalurkan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk memajukan Orang Asli. Hampir semua bantuan atau subsidi yang diperuntukkan bagi Kampung Kelapi dan kampung-kampung di sekitarnya telah diberikan oleh batin kepada ahli keluarganya sahaja sementara orang kampung jati diberi sedikit atau langsung tidak diberi.

Pada tahun 1963, sedikit perubahan dari segi struktur dan organisasi kepimpinan telah berlaku di Kampung Kelapi, dan juga kepada dua buah kampung berhampiran. Batin Kancil mewujudkan jawatan Juarak atau Juaro. Tugas atau tanggungjawab Juarak ialah mentadbir ketiga-tiga buah kampung tersebut. Orang yang dilantik mengisi jawatan baharu ini ialah cucu Jekerah. Alasan yang diberikan tentang mewujudkan jawatan baharu itu adalah tidak baik memberi orang luar berkuasa penuh (batin) ke atas kampung-kampung tersebut; bak kata pepatah:

*Gantang sumpit,
Gantang beras,
Jangan bagi orang sukat.*

Namun begitu, beliau masih kekal menyandang jawatan batin.

Semenjak wujudnya jawatan Juarak itu, Batin Kancil kurang mengambil perhatian tentang hal ehwal Kampung Kelapi. Juarak semenjak perlantikannya telah menunjukkan sifat kepimpinan yang baik dan berjaya mengendalikan dan menyelesaikan sebarang masalah yang timbul di ketiga-tiga buah kampung yang ditadbirkannya. Memandangkan kewibawaannya, pada 1 Ogos 1977, Juarak telah dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli menjadi Ketua Kampung bagi ketiga-tiga buah kampung berkenaan. Di samping itu Jabatan Hal Ehwal Orang Asli juga telah memberi bonus tahunan kepada batin dan ketua kampung.

Penduduk jati telah mula sedar tentang hak mereka sebagai anak watan di kampung tersebut. Segala masalah yang timbul dalam ketiga-tiga buah kampung itu hanya ketua kampung yang menyelesaikannya. Tugas ketua kampung lebih tertumpu kepada penyelesaian masalah masyarakat sahaja yang dipepatahkan sebagai:

*Kalau memesut pun kok menyelesaikan,
Kalau keruh pun kok yang menjernih,
Kalau memesut dari bumi kok yang memejal;
Kalau gugur dari langit kok yang menampung.*

Maksudnya sebarang masalah tidak perlu lagi dirujuk kepada batin. Namun, segala subsidi kerajaan kepada ketiga-tiga buah kampung tersebut adalah disalurkan kepada batin dan dikawal pengagihannya.

Dalam tahun 1970-an, Batin Kancil telah berhijrah ke Kampung Tering mengikut saudara-maranya. Sebelum meninggalkan Kampung Kelapi, beliau sempat menunjukkan dua bilah keris iaitu keris panjang pusaka Kampung Kelapi atau Tiong Jelai yang hanya dibungkus dengan kain hitam, dan keris pendek kepunyaan Kuala Jelai yang dibungkus dengan tiga jenis kain, iaitu kain kuning, kain merah dan kain hitam, kepada ketua kampung. Beliau juga menasihatkan ketua kampung supaya mengambil semula keris panjang milik Kampung Kelapi.

Semenjak itu, ketua kampung berkuasa sepenuhnya terhadap ketiga-tiga buah kampung tersebut. Tetapi, atas dasar peri kemanusiaan, Batin Kancil masih lagi dibenarkan memegang pusaka batin walaupun telah berhijrah ke tempat lain.

6. *Batin Akub Maawar (1989)*

Batin Kancil telah meninggal dunia pada tahun 1989 di kediamannya di Kampung Tering. Pada masa itu ahli-ahli perut batin Kampung Kelapi telah datang untuk mengambil semula keris pusaka lambang kebesaran batin milik Kampung Kelapi. Malangnya keluarga Batin Kancil tidak mahu menyerahkannya atas alasan bahawa kedua-dua bilah keris itu adalah kepunyaan mereka. Mereka juga mengaku bahawa mereka adalah keturunan batin. Pengakuan tentang mereka keturunan batin itu mungkin benar. Namun, mereka, mengikut adat tetap tidak boleh menjadi batin di Kampung

Kelapi kerana mereka adalah keturunan suku kaum Semelai manakala penduduk Kampung Kelapi berketurunan Temuan. Di samping itu mereka bukan berasal dari kawasan luak Johol. Pertengkaran demi pertengkaran berlaku. Akhirnya perut batin Kampung Kelapi telah meninggal.

Anak saudara Batin Kancil yang bernama Akub Maawar telah dilantik menjadi Batin Luak Johol atas alasan mengikut wasiat Batin Kancil. Perlantikan Batin Akub dianggap oleh penduduk Kampung Kelapi sebagai:

*Pua condong ke perut
atau
Umpama ilmu kayu warak*

Penduduk Kampung Kelapi dan juga dua buah kampung yang berhampiran tetap tidak mempersetujui perlantikan Akub. Mereka tidak mahu pusaka batin itu disandang oleh orang yang berasal dari Kuala Jelai yang bersuku Semelai. Oleh itu, mereka tidak membenarkan Batin Akub memerintah ketiga-tiga buah kampung tersebut.

Pada sekitar tahun 1992, Batin Akub telah dipecat oleh anak-anak buahnya kerana cara pemerintahan beliau tidak adil. Beliau hanya memerintah selama dua tahun setengah sahaja.

7. *Batin Degol (1992)*

Selepas pemecatan Batin Akub, sekali lagi ahli perut batin dari Kampung Kelapi datang ke Kampung Tering menuntut hak mereka. Namun usaha mereka gagal. Degol bin Ujang telah dipilih menggantikan Batin Akub. Batin Degol ialah anak saudara batin Kancil dan menetap di Kampung Tering. Batin Degol hanya sempat memerintah selama satu tahun setengah sahaja. Beliau telah meninggal dunia pada penghujung tahun 1993.

8. *Batin Alam bin Suhut (31/11/1993)*

Untuk kali ketiga, ahli perut batin Kampung Kelapi datang ke Kampung Tering menuntut hak mereka. Satu pertengkaran hebat telah berlaku antara ahli keluarga Batin Kancil dengan ahli keluarga batin Kampung Kelapi yang berakhir dengan kekalahan di pihak waris batin Kampung Kelapi. Berikutan dengan itu Alam bin Suhut telah dilantik menjadi batin pada 31 November 1993.

Berakhirnya Pusaka Batin Kampung Kelapi.

Oleh sebab tewas sebanyak tiga kali, keluarga batin Kampung Kelapi membuat keputusan tidak akan menuntut hak mereka pada masa yang akan datang. Mereka takut sekiranya dituntut juga besar kemungkinan akan berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Oleh itu mereka sanggup mengorbankan pusaka batin asalkan tidak kehilangan nyawa.

Justeru itu secara automatik mereka terus menganggap bahawa pusaka batin Tiong Jelai atau luak Johol telah terhapus sama sekali. Waris yang sepatutnya memegang pusaka batin sekarang ialah Ahmad bin Senang iaitu cicit kepada Batin Apam. Beliau kini menetap di Kampung Charik.